



GARIS PANDUAN PENANDAAN HARGA OLEH PENJUAL RUNCIT



**BAHAGIAN PENGUATKUASA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

GARIS PANDUAN : PENANDAAN HARGA OLEH PENJUAL RUNCIT

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan standard penandaan harga bagi barang-barang yang dijual atau dipamer untuk jualan oleh penjual runcit. Ia menjelaskan keperluan-keperluan penandaan harga yang berbeza kepada bentuk-bentuk perniagaan yang berlainan seperti pasar basah, kedai runcit, pasaraya, restoran, kedai makan dan perniagaan-perniagaan yang lain.

Garis panduan ini adalah berpandukan kepada Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993.

LATAR BELAKANG

2. Penandaan Harga merupakan satu perundangan yang telah dikuatkuasakan bermula pada tahun 1977 bagi 111 barangan terpilih. Perundangan ini yang dahulunya dikenali sebagai Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 telah diganti dengan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 dan dikembangkan bagi merangkumi semua jenis barangan yang dijual secara runcit.

PENJUAL RUNCIT

3. Semua peniaga yang menjual barangan secara runcit dianggap penjual runcit. Penjual runcit terdiri daripada peniaga kedai runcit, pasar basah, pasar tani, pasar malam, pasaraya besar, pasar mini, kiosk, kedai sukan, kedai emas, butik pakaian dan termasuk semua bentuk perniagaan yang menjual secara runcit kepada pengguna akhir.

4. Kewajipan penandaan harga oleh penjual runcit adalah seperti berikut:

- a. Hendaklah meletakkan tanda harga pada setiap barang atau contoh barangan yang dipamerkan bagi jualan;
- b. Hendaklah menandakan setiap barang tersebut dengan tanda harga yang menunjukkan harga tunai bagi tiap satu unit, satu unit timbangan atau bagi setiap sukatan barangan tersebut;
- c. Sekiranya jenis atau saiz barangan tidak sesuai ditandakan dengan harga barang atas sebab jenis atau saiz, penjual runcit boleh menggunakan satu senarai harga yang menyatakan perihal barang dan harganya dengan jelas;

- d. Perihal dan harga ini hendaklah ditandakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Malaysia dan terjemahan sekiranya penjual runcit tidak memahami Bahasa Malaysia;
- e. Saiz dan Warna tanda harga hendaklah dapat dilihat dengan jelas oleh pengguna;
- f. Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM);
dan
- g. Pengguna hendaklah boleh membuat rujukan kepada harga pada setiap masa.

PANDUAN PENANDAAN HARGA

5. Penandaan harga hendaklah disesuaikan dengan bentuk perniagaan dan barangan yang dijual secara runcit sepertimana panduan berikut:

i. Barang Basah dan Segar


- a. Setiap barang hendaklah ditandakan dengan perihal kategori barangan.

Contoh:

Ikan Kembung Segar	RM 8.00/kg
Daging Kambing Beku	RM 18.00/kg
Ayam Segar	RM 7.20/kg

- b. Sekiranya barang tersebut tidak sesuai ditandakan secara individu, tanda harga hendaklah diletakkan pada raga, kotak atau bekas tempat barang dipamerkan untuk jualan; dan
- c. Menggunakan tanda harga pada saiz minimum 15 sentimeter x 9 sentimeter bagi jualan barang segar dan basah.

Contoh



ii. Barang-Barang Runcit

- a. Bagi barang-barang runcit yang meliputi barang-barang makanan dan bukan makanan (kecuali barang basah dan barang segar), ia termasuklah:

- ↯ Tersedia bungkus;
- ↯ barang-barang dalam tin;
- ↯ barang-barang yang dijual secara seunit; dan

- ↯ barang-barang kering yang dijual secara timbangan.
- b. Tanda harga hendaklah dilekatkan pada bungkus, bekas atau pada barangan yang hendak dijual;
 - c. Saiz tanda harga yang digunakan bersesuaian dengan barangan yang dijual; dan
 - d. Sekiranya barang tersebut tidak sesuai ditandakan secara individu, peniaga hendaklah meletakkan tanda harga pada raga, kotak atau bekas tempat barang dipamerkan untuk jualan.

iii. Makanan Sedia Masak

Makanan Sedia Masak adalah terdiri dari masakan panas (*ala carte*) dan masakan tersedia masak (lauk pauk) yang dijual di restoran, kedai makan, gerai, medan selera, kantin, kafeteria dan semua bentuk premis yang menjual makanan sedia masak kepada pengguna.

Makanan masakan panas dan minuman (*al-carte*);

- a. Harga makanan dan minuman hendaklah diletakkan pada menu dan diberikan kepada pengguna sebelum pesanan dibuat; atau
- b. Senarai harga hendaklah dipamerkan di lokasi dalam kedai untuk rujukan pengguna sebelum pesanan atau pembelian dibuat.

Contoh

Teh Tarik (Panas) RM 1.00/segelas

Milo Kosong (Panas) RM 1.50/segelas

Nasi Goreng Kampung RM 4.00/sepinggan

- c. Senarai harga dan perihal barang hendaklah diletakkan di tempat yang mudah dilihat oleh pengguna dan tidak boleh terhalang; dan
- d. Harga barang masakan yang dijual mengikut saiz dan timbangan perlu ditandakan berasingan mengikut perbezaan saiz atau mengikut unit timbangan di mana berkenaan.

Contoh Mengikut Saiz

Sotong (Besar) RM 8.00 /seekor

Udang (Sedang) RM 4.00 /seekor

Ikan Kembung (Kecil) RM 3.00 /seekor

Contoh Mengikut Unit Timbangan

Sotong	RM 10.00/kg
Ikan Kerapu	RM 35.00/kg
Udang	RM 50.00/kg

(Masakan : Stim Limau, 3 Rasa, Bakar)

Masakan tersedia masak (lauk pauk);

- a. Tanda harga hendaklah diletakkan pada setiap pinggan, dulang atau apa-apa bekas di mana makanan tersebut dipamerkan bagi jualan;
- b. Makanan sedia masak yang dijual mengikut unit hendaklah ditandakan harga jualannya sama ada dalam bentuk seekor, seketul, sepotong dan sebagainya.

Contoh

Ayam goreng	RM 3.50 / Seketul
Ikan Selar goreng	RM 3.00 / Seekor
Ikan Tenggiri	RM4.00 / Sepotong

- c. Makanan sedia masak yang dijual mengikut sukatan hendaklah ditandakan harga jualan dan sukatanya. Sukatan perlulah jelas dan boleh ditentukan oleh sesuatu perniagaan itu sendiri.

Contoh

Sayur Bayam	RM 1.50 / Sesenduk
Sambal Bilis	RM 1.00 / Sesudu
Sup Cendawan	RM2.00 / Semangkuk

iv. **Alat Ganti Kenderaan**

Tanda harga hendaklah dilekatkan pada setiap unit alat ganti yang dipamerkan untuk jualan; dan

Sekiranya barang tersebut tidak sesuai ditandakan secara individu, peniaga hendaklah meletakkan senarai harga yang boleh dirujuk oleh pengguna dalam bentuk yang sesuai.

PENANDAAN HARGA DENGAN MENGGUNAKAN *BAR CODE*

6. Peniaga yang membuat penandaan harga dengan menggunakan *bar code* dan alat imbasan harga boleh dikecualikan dari meletakkan tanda harga pada setiap unit barang. Walau bagaimanapun, peniaga yang hendak dikecualikan dari menggunakan tanda harga pada setiap unit barang ini hendaklah terlebih dahulu memperoleh kebenaran berbuat demikian dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

7. Peniaga yang membuat penandaan harga dengan menggunakan *bar code* dan alat imbasan harga perlu meletakkan satu tanda harga yang besar dan jelas pada rak, raga atau apa-apa bekas di mana barang-barang tersebut dipamerkan bagi jualan. Tanda harga ini perlu diletakkan perihal barangan yang jelas.

8. Peniaga juga perlu menyediakan mesin semakan harga (*price checker*) yang mencukupi di dalam premis. Ini bagi membolehkan pengguna membuat semakan harga *bar code* bagi memastikan harga adalah sama seperti yang dipamerkan.

9. Jika berlaku perbezaan harga di antara tanda harga dan *bar code*, harga yang terendah hendaklah diberi kepada pengguna.

PENANDAAN HARGA DI BENGKEL KENDERAAN

10. Senarai harga barang ganti dan caj perkhidmatan pembaikan hendaklah disediakan dan diletakkan di tempat yang mudah dilihat untuk rujukan pengguna dalam cara-cara berikut:

- a. Ditampal di dalam bengkel; atau
- b. Disimpan dalam bentuk elektronik dan dipamerkan melalui paparan komputer; atau
- c. Diletakkan di dalam fail atau folder.

11. Senarai barang ganti kenderaan motor yang dijual di bengkel kenderaan hendaklah mengandungi butiran berikut:

- a. Setiap barang ganti beserta nama, nombor siri, model kenderaan motor dan pengilang;
- b. pernyataan sama ada barang tersebut alat baharu atau sekendhend atau dibaikpulih; dan
- c. harga barang ganti tersebut.

12. Senarai perkhidmatan yang disediakan di bengkel kenderaan hendaklah mengandungi butiran berikut:

- a. Setiap perkhidmatan pembaikan yang disediakan;
- b. Fi tenaga kerja yang dikenakan bagi setiap perkhidmatan pembaikan; dan
- c. Jumlah cukai yang perlu dibayar pengguna sekiranya ada.

13. Senarai harga ini hendaklah di dalam Bahasa Malaysia atau dalam Bahasa Inggeris atau menggunakan kedua-dua bahasa. Saiz teks ini hendaklah ditulis dengan terang dan mudah dibaca serta dinyatakan harganya dalam Ringgit Malaysia.

14. Penyediaan senarai harga dan caj perkhidmatan serta perkara-perkara lain yang berkaitan adalah tertakluk kepada Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002.

MAKLUM BALAS

15. Mana-mana pihak yang ingin mendapatkan maklum balas berhubung garis panduan ini boleh menghubungi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui talian bebas tol **1-800-886-800** atau mana-mana pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri atau Cawangan melalui talian **03-8000 8000** 1Malaysia One Call Centre (1MOCC).

PENAFIAN

16. Keterangan garis panduan ini tidak mengatasi Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 dan Perintah Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002 serta perundangan-perundangan lain yang berkuatkuasa. Garis panduan ini adalah tidak konklusif dan peniaga boleh menggunakan budi bicara dan kreativiti sendiri bagi meletakkan tanda harga yang sesuai dan jelas mengikut peruntukan undang-undang.

PENUTUP

17. Garis panduan ini hendaklah dipatuhi bagi menentukan tindakan-tindakan penandaan harga diambil mencapai matlamat yang dikehendaki. Hasil daripada garis panduan yang dilaksanakan ini mestilah melahirkan peniaga yang beretika serta melaksanakan penandaan harga yang jelas.

Bahagian Enforcement
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Koperasi dan Kepenggunaan
Putrajaya

**PERINTAH KAWALAN HARGA
(PENANDAAN HARGA OLEH
PENJUAL RUNCIT) 1993**

Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993

P.U. (A) 137

AKTA KAWALAN HARGA 1946

PERINTAH KAWALAN HARGA
(PENANDAAN HARGA OLEH PENJUAL RUNCIT) 1993

- Akta 121 PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan (d) subseksyen (1) seksyen 13 Akta Kawalan Harga 1946, Pengawal Harga dengan kelulusan Menteri membuat perintah yang berikut :
- Nama dan mula berkuatkuasa 1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Jun 1993.
- Tafsiran 2. Dalam perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –
- “penjual runcit” ertinya seseorang yang menjual barang-barang secara runcit.
- Penandaan harga 3. (1) Tiap-tiap penjual runcit barang-barang hendaklah meletakkan label, teg atau tanda pada barang-barang itu atau pada beg atau bekas barang itu yang dipamerkan sama ada untuk jualan atau sebagai contoh barang-barang jualan dalam premis penjual runcit yang menunjukkan harga tunai bagi tiap-tiap satu timbangan atau sukatan barang-barang itu.

(2) Tiap-tiap penjual runcit barang-barang itu, jika jenis atau saiz barang-barang itu tidak sesuai untuk diletakkan label, teg atau tanda pada barang-barang itu atau pada bekas barang-barang itu menurut subperenggan (1), hendaklah menyenggara dan mempamerkan satu senarai yang memperihalkan barang-barang itu supaya barang-barang itu dapat dikenali dengan jelasnya dan menunjukkan bersetentangan dengan barang-barang itu harga bagi tiap-tiap satu unit atau tiap-tiap satu unit timbangan atau sukatan barang-barang itu.

(3) Butir-butir yang dikehendaki oleh subperenggan (1) (2) bagi label, teg, tanda atau senarai itu hendaklah dalam Bahasa Malaysia dan jika penjual runcit itu tidak faham Bahasa Malaysia maka hendaklah juga ada suatu terjemahan dalam bahasa penjual runcit itu.

(4) Label, teg, tanda atau senarai itu hendaklah dibuat mengikut saiz dan warna yang diletakkan dengan sebegitu cara supaya mudah dilihat dengan jelasnya oleh seseorang yang hendak membeli.

(5) Harga yang disebutkan hendaklah dalam Ringgit Malaysia.

Pemeriksaan
oleh pembeli

4. Tiap-tiap penjual runcit hendaklah membenarkan seseorang yang hendak membeli memeriksa senarai sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (2) perenggan 3.

- Penalti 5. Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta Kawalan Harga 1946.
- Pengecualian 6. Pengawal Harga boleh dengan kelulusan Menteri mengecualikan apa-apa barang daripada kehendak Perintah ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang mungkin dikenakan.
- Pembatalan P.U.(A)122/77 7. Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 adalah dibatalkan.

Dibuat pada 28hb April 1993.

ABDUL JABAR BIN KAMIN,
Pengawal Harga

Diluluskan pada 30hb April 1993.
[B. PGK. Y. 5001 Jld II; PN. (PU²) 218.]

DATO' HAJI ABU HASAN BIN HAJI OMAR,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna

**PERATURAN PERLINDUNGAN
PENGGUNA
(PENDEDAHAN MAKLUMAT
BENGKEL) 2002**

Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002

P.U (A) 271.

AKTA PELINDUNGAN PENGGUNA 1999

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNGAN PENGGUNA (PENDEDAHAN
MAKLUMAT
BENGKEL) 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 150(2)(a) Akta Pelindungan Pengguna 1999 [Akta 599], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2002.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

“barang ganti” ertinya apa-apa barang ganti kenderaan motor;

“bengkel” ertinya apa-apa tempat yang di situ perniagaan membaiki kenderaan motor bagi pengguna dijalankan;

“kenderaan motor” ertinya kenderaan daripada apa-apa perihal, yang didorongi oleh mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan;

“perkhidmatan pembaikan” ertinya perkhidmatan–

- (a) mendiagnosis dan membaiki kerosakan pada kenderaan motor;
- (b) mengganti bahagian kenderaan motor; atau
- (c) menservis, menyenggara, mengubah suai atau membaik pulih kenderaan motor.

Pendedahan maklumat berkenaan dengan barang ganti

3. (1) Pengendali tiap-tiap bengkel hendaklah menyenggara dan mendedahkan suatu senarai tiap-tiap barang ganti yang boleh didapati untuk jualan di bengkel itu.

(2) Senarai yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah–

- (a) memerihalkan setiap barang ganti dengan nama, nombor siri, model Kenderaan motor dan pengilang;
- (b) menyatakan sama ada barang ganti itu baru, sekendhend atau dibaikpulihkan; dan
- (c) menyatakan harga yang padanya barang ganti itu boleh didapati untuk jualan kepada pengguna.

Pendedahan maklumat berkenaan dengan perkhidmatan pembaikan

4. (1) Pengendali tiap-tiap bengkel hendaklah menyenggara dan mendedahkan suatu senarai tiap-tiap perkhidmatan pembaikan yang diadakan oleh bengkel itu.

(2) Senarai yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah–

- (a) memerihalkan tiap-tiap perkhidmatan pembaikan yang diadakan oleh bengkel itu;
- (b) menyatakan fi tenaga kerja yang dikenakan bagi tiap-tiap perkhidmatan pembaikan; dan
- (c) menyatakan cukai yang kena dibayar berkenaan dengan perkhidmatan pembaikan itu, jika ada.

Cara pendedahan

5. (1) Senarai barang ganti dan senarai perkhidmatan pembaikan itu hendaklah didedahkan, jika dapat dilaksanakan, dengan menampalnya di tempat yang mudah dilihat dalam bengkel itu supaya pengguna boleh membacanya dengan mudah.

(2) Senarai barang ganti dan senarai perkhidmatan pembaikan itu boleh juga disimpan dalam bahan tara elektronik dan dipamerkan kepada pengguna pada monitor komputer atau pada apa-apa skrin paparan elektronik lain yang diletakkan di kedudukan yang mudah dilihat dalam bengkel itu.

(3) Jika penampalan senarai barang ganti dan senarai perkhidmatan pembaikan itu atau pempamerannya melalui cara elektronik tidak dapat dilaksanakan, senarai itu bolehlah disimpan dalam folder atau fail.

(4) Folder atau fail yang disebut dalam subperaturan (3) hendaklah diletakkan di kedudukan yang mudah dilihat dalam bengkel itu dan hendaklah tersedia bagi semua pengguna.

(5) Senarai barang ganti dan senarai perkhidmatan pembaikan yang dikehendaki oleh peraturan ini supaya disenggarakan dan didedahkan hendaklah dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa Inggeris, dan boleh dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris kedua-duanya.

(6) Teks senarai barang ganti dan senarai perkhidmatan pembaikan itu hendaklah ditulis dalam perkataan yang mudah difahami oleh pengguna dan hendaklah mudah dibaca dan dalam apa-apa saiz dan warna supaya mudah dilihat oleh pengguna.

(7) Harga yang disebut dalam senarai barang ganti dan senarai perkhidmatan pembaikan itu hendaklah dalam Ringgit Malaysia.

Pendedahan maklumat berkenaan dengan perkhidmatan pembaikan kepada setiap pengguna

6. (1) Sebelum melakukan apa-apa perkhidmatan pembaikan bagi seseorang pengguna, pengendali bengkel hendaklah memastikan bahawa pengguna itu diberi suatu pernyataan bertulis—

- (a) yang memerihalkan perkhidmatan pembaikan yang dijangkakan akan perlu dibuat kepada kenderaan motor itu;
- (b) yang menyatakan anggaran fi tenaga kerja yang akan dikenakan bagi perkhidmatan pembaikan itu;

- (c) yang menyatakan anggaran cukai yang kena dibayar berkenaan dengan perkhidmatan pembaikan itu, jika ada; dan
- (d) yang menyatakan anggaran masa siap perkhidmatan pembaikan itu.

(2) Apabila perkhidmatan pembaikan bagi seseorang pengguna disiapkan, pengendali bengkel tempat perkhidmatan pembaikan itu dilakukan hendaklah memastikan bahawa pengguna itu diberi suatu pernyataan bertulis–

- (a) memerihalkan perkhidmatan pembaikan yang dibuat pada kenderaan motor itu;
- (b) yang menyatakan fi tenaga kerja yang dikenakan bagi perkhidmatan pembaikan itu;
- (c) yang menyatakan cukai yang kena dibayar berkenaan dengan perkhidmatan pembaikan itu, jika ada;
- (d) yang memerihalkan tiap-tiap barang ganti yang dipasang dengan nama, nombor siri, model kenderaan motor dan pengilang;
- (e) yang menyatakan sama ada barang ganti yang dipasang itu baru, sekendhend atau dibaikpulihkan; dan
- (f) yang menyatakan harga setiap barang ganti yang dipasang.

(3) Pernyataan bertulis yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah sama ada dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, dan boleh dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris kedua-duanya.

(4) Harga yang disebut dalam pernyataan bertulis itu hendaklah dalam Ringgit Malaysia.

Penalti

7. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan.

Dibuat 26 Jun 2002

[KPDN(DN)(S)2/2/3/8 Jld 3; PN(PU²) 607/II]

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna*

PANDUAN PENANDAAN HARGA





















Brake (Front)	Ventilated Disc
Brake (Rear)	Drum
Suspension (Front)	Independent
Suspension (Rear)	Torsion Beam
Length x Width x Height	4,425 x 1,695
Gross Weight	1,045 kg
Alloy Rim Size	15" 7-spoke
Tyre Size	185 / 65 R15
Fuel Tank Capacity	41 Litres

1.5 (V) 4AT LOCALLY ASSEMBLED MODEL	
ALMERA 1.5L 4AT	
ALMERA 1.5L 4AT (VL)	Rm 79,813.50
ALMERA 1.5L 4AT (V)	Rm 76,813.50
ALMERA 1.5L 4AT (E)	Rm 69,813.50
<small>On the road price is inclusive of Insurance for Private Registration, valid in Peninsular Malaysia. Terms and Conditions apply.</small>	

OPTIONAL LUXURY PACKAGE FROM P	
* Combination Leather Seat & Door Panel	
* Solar Gard Armocroast Tinting	
* LED Wing Mirror Signal Light	
* LED Stainless Steel Kicking Plate	
* Door Visor	
* Trunk Tray	
* Sport Pedal (AT variants only)	
Upgrade to V-Kool Elite tinting (additional RM 1,200)	





Promotion Price 2014	
Model: NISSAN SENTRA 1.6 MT	
Year: 2006	
Price:	Rm 39,700
<small>Please Call SALESMAN: 012-694-4899</small>	
<small>Raymond: 012-694-4899</small>	
<small>IRA: 016-933 7073</small>	
<small>Hong: 016-929 1776</small>	
<small>by Megane Top</small>	




















**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

**NO.13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62623 PUTRAJAYA**

**TEL : 03-8882 5500
FAKS : 03-8882 5762**

LAMAN WEB : www.kpdnkk.gov.my